



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(184)

SIARAN MEDIA

TANDA-TANDA PEMULIHAN TERUMBU KARANG DI MALAYSIA : DOF PERKUKUH USAHA PEMULIHARAAN


Terumbu karang mampu pulih selepas tempoh fasa kejadian kelunturan karang. Proses pemulihan bergantung kepada beberapa faktor, termasuk tahap dan tempoh kelunturan, kesihatan karang sebelum kejadian tersebut dan kehadiran tekanan tambahan. Kejadian kelunturan karang pada tahap rendah dan pada tempoh pendek memberi peluang yang lebih tinggi bagi karang untuk pulih, kerana karang dapat menyerap semula alga simbiotik (zooxanthellae) setelah suhu kembali normal. Namun, kelunturan yang teruk dan berpanjangan boleh menyebabkan kadar kematian yang lebih tinggi, menjadikan pemulihan lebih mencabar.

Karang yang sihat dan berdaya tahan 'resilience' sebelum kejadian kelunturan karang, bersama dengan spesies yang secara semula jadi lebih toleran terhadap perubahan suhu, mempunyai peluang yang lebih baik untuk bertahan dan kembali pulih sedikala. Kehadiran tekanan tambahan, seperti pencemaran, sedimen, dan amalan penangkapan ikan yang merosakkan, boleh memburukkan lagi kesan kelunturan karang dan menghalang proses pemulihan.

Berdasarkan kepada kejadian kelunturan karang yang melanda terumbu karang di perairan Malaysia bermula pada bulan Mei 2024 yang lalu, dimana hampir 50% terumbu karang khususnya di Taman Laut mengalami kelunturan, tempoh pemulihan adalah berbeza berdasarkan lokasi. Berdasarkan kepada data cerapan suhu permukaan air oleh stesen pemantauan tetap kualiti air di Taman Laut mendapati suhu air laut telah kembali turun bermula pada bulan September dan kini suhu telah kembali pada tahap normal purata tahunan iaitu antara 29 hingga 30 darjah Celsius.

"Manakala bagi terumbu karang, sehingga Oktober 2024, terdapat pemulihan 'recovery' yang berlaku secara perlahan di beberapa terumbu di perairan Taman laut. Namun, purata peratusan karang mati adalah lebih tinggi berbanding karang hidup semasa tempoh pemulihan. Peningkatan purata peratusan karang mati adalah antara 5 hingga 10%, manakala pengurangan purata peratusan karang hidup adalah antara 5 hingga 40% dengan terumbu karang pulau Taman Laut di perairan Negeri Terengganu mencatatkan pengurangan peratusan karang hidup yang tinggi berbanding pulau Taman Laut yang lain," **Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan.**


Peningkatan peratus karang mati adalah kerana, terdapat terumbu karang yang tidak berdaya tahan terhadap perubahan suhu yang meningkat secara mendadak dan berpanjangan. Justeru, ini membuktikan bahawa perubahan iklim melalui peningkatan suhu air laut memberikan impak yang signifikan kepada kesihatan terumbu karang. Jika kejadian ini berlaku dengan lebih kerap, ia akan menjejaskan daya tahan terumbu karang dan menyebabkan kematian karang berskala lebih besar.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Proses pemulihan karang yang mengalami kelunturan boleh mengambil masa dari beberapa minggu hingga beberapa bulan, oleh itu usaha pemantauan akan dijalankan secara berterusan.

Walaupun bagaimanapun, tempoh dan proses pemulihan karang masih berlaku dan berterusan dan ia adalah suatu proses yang perlahan dan berlaku dalam tempoh yang lama kerana inilah proses pemulihan secara semulajadi. Dalam tempoh pemulihan ini adalah kritikal untuk memastikan sebarang ancaman, impak setempat dan tekanan kepada terumbu karang dapat diminimalkan.

Berikut adalah data awalan melalui pemerhatian yang dijalankan:

Jadual Perbezaan Tempoh Keadaan Terumbu Karang di Sekitar Taman Laut Malaysia Semasa Fenomena Kelunturan 2024 :

Bil.	Lokasi	Purata Kategori Karang (Julai - Ogos 2024), %		Purata Kategori Karang (Sept - Okt 2024), %		Perbezaan Peratusan (%)	
		Karang Hidup	Karang Mati	Karang Hidup	Karang Mati	Karang Hidup	Karang Mati
1.	Pulau Payar, Kedah	56.0	5.0	33	16.7	23	11.7
2.	Pulau Tioman, Pahang	43.3	6.7	40	10.0	3.3	3.3
3.	Pulau Redang, Terengganu	37.5	3.0	20	14.0	23.5	11
4.	Pulau Perhentian, Terengganu	49.2	3.3	30	10.0	39.2	6.7
5.	Pulau Kapas, Terengganu	46.7	1.7	60	10.0	(13.3)	8.3
6.	Pulau Tenggol, Terengganu	60.0	0	65	5.0	(5)	5.0

Sehingga kini, pemantauan masih dijalankan oleh DOF dan Notis Penghentian Sementara Aktiviti Restorasi, Pemindahan Karang dan Sebarang Aktiviti Sentuhan Fizikal Dengan Karang yang dikeluarkan oleh DOF pada 2 Julai 2024 adalah masih berkuatkuasa. Namun, Notis ini akan dibatalkan setelah keadaan terumbu kembali pulih sedia kala.

DOF juga sedang merangka perancangan lanjutan 'way forward' susulan daripada kejadian kelunturan karang di tahun 2024. Antaranya adalah:

- (i) Menguruskan impak setempat, ancaman dan tekanan kepada terumbu karang melalui pengurusan terumbu karang yang berterusan.
- (ii) Mengenal pasti terumbu dan spesies karang yang berdaya tahan 'resilience' iaitu yang mampu bertoleransi dengan perubahan suhu dan hidup semasa tempoh kelunturan karang di tahun ini.
- (iii) Restorasi karang: meningkatkan usaha untuk memulihkan terumbu yang terdegradasi melalui aktiviti restorasi karang, di mana spesies karang yang berdaya tahan boleh dibiakkan dan kemudian dipindahkan semula ke kawasan yang terjejas.
- (iv) Pemantauan berterusan: Penilaian selepas kejadian kelunturan karang adalah penting untuk memahami tahap kerosakan dan trend pemulihan. Program pemantauan jangka panjang harus dipertingkatkan untuk menilai daya tahan karang, kadar kematian dan proses pemulihan.
- (v) Pembangunan polisi berkaitan pengurusan dan tindakan kelunturan karang di Malaysia.

Kejadian kelunturan karang mampu menimbulkan ancaman serius kepada biodiversiti marin, kesihatan keseluruhan ekosistem marin serta mampu memberi kesan kepada sumber mata pencarian penduduk tempatan yang bergantung kepadanya, khususnya di Malaysia. Walaupun karang mempunyai kemampuan untuk pulih, proses pemulihan ini bergantung pada pelbagai faktor, termasuk tahap keterukan kelunturan, daya tahan spesies karang dan tahap tekanan tempatan di perairan tersebut. Tanpa usaha pemuliharaan yang kukuh dan tindakan global untuk mengurangkan perubahan iklim, kekerapan dan impak kejadian pelunturan berkemungkinan meningkat dan seterusnya mengancam kelangsungan hidup jangka panjang ekosistem terumbu karang.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/1/folders/1P6iH299B1IIBY6mZ8FtDFoomZWYLFBMt>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

9 November 2024